

Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes

Natsue Hieda

hieda@ukm.my

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Maserah Shabudin

masera@ukm.my

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa Malaysia khususnya yang mengikuti kursus bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini mengukur tujuh jenis tahap sikap serta menerangkan perhubungannya berasaskan model sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001). Metodologi kajian yang diguna pakai adalah berbentuk kuantitatif. Data kajian diperolehi melalui kaedah soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Jepun disebabkan jarak sosial yang rapat serta stereotaip etnobudaya yang positif terhadap negara dan masyarakat Jepun. Sikap yang positif terhadap masyarakat antarabangsa serta persepsi yang positif terhadap golongan sasaran membentuk orientasi integratif yang lebih positif berbanding orientasi instrumental. Kedua-dua orientasi integratif dan instrumental mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Apabila perbandingan dijalankan, terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dan bangsa, tetapi tiada berdasarkan aliran pengajian. Pelajar perempuan mempunyai orientasi integratif yang lebih positif berbanding pelajar lelaki kerana pelajar perempuan lebih menunjukkan minat terhadap komunikasi dengan orang Jepun serta budaya tradisional Jepun. Dari sudut bangsa, pelajar Cina bersikap lebih positif terhadap ciri bahasa Jepun disebabkan banyak ciri persamaan antara bahasa Jepun dengan bahasa ibunda mereka. Manakala, pelajar Melayu menunjukkan kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang lebih positif. Ini kerana pelajar Melayu lebih cenderung untuk meneroka dunia yang baru serta mempercayai manfaat menguasai bahasa Jepun. Sebagai kesimpulannya, mahasiswa Malaysia khususnya di UKM bersikap positif terhadap bahasa Jepun, dan seterusnya menunjukkan motivasi untuk mempelajari bahasa Jepun.

Katakunci: sikap bahasa; mahasiswa Malaysia; bahasa Jepun; bahasa asing; model sosiopendidikan

Attitudes Towards Japanese Language Among Malaysian Students

ABSTRACT

The objective of this study is to investigate the issues of Malaysian students especially Universiti Kebangsaan Malaysia's students' attitudes towards learning Japanese as a foreign language. Data was collected using a set of questionnaire. This study measured seven types of

attitudes and explains their relations based on the socio-educational model presented by Gardner (2001). The research method utilized for this study is quantitative approach. Data was collected through questionnaires. The findings show positive attitudes towards Japanese language because of the closer social distance as well as the positive ethno cultural stereotypes. Positive attitudes towards international society and good perceptions towards Japanese community made integrative orientation more positive than instrumental orientation. Both integrative and instrumental orientations are closely connected with attitudes towards learning Japanese. When comparisons are made, significant differences are found based on gender and race, but not with regard to which faculties the students are from. Female students show more positive integrative orientation because they are willing to communicate in Japanese and they also have deep interest in Japanese traditional culture. Where race is concerned, Chinese students have more positive attitudes towards the characteristics of Japanese language due to the similarities of the Japanese language with their mother tongue. Malay students show more positive attitude in both integrative and instrumental orientations because they tend to explore the new world and believe the benefit of Japanese language proficiency. As a conclusion, Malaysian students, especially the students taking Japanese courses in UKM show positive attitudes towards Japanese language and have the motivation to learn Japanese.

Keywords: language attitudes; Malaysian students; Japanese language; foreign language; socio-educational model

PENGENALAN

Pada zaman globalisasi hari ini, keperluan menguasai bahasa asing menjadi semakin penting. Sehubungan itu bagi mewujudkan masyarakat di Malaysia yang mempunyai sumber tenaga kerja yang berkualiti dan mempunyai kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa, pengajaran bahasa antarabangsa dilihat sebagai keperluan bagi mencapai hasrat tersebut.

Antara kelebihan menguasai bahasa asing atau bahasa antarabangsa yang lain ialah berkebolehan dalam menjalankan rundingan dengan lancar atau memahami dokumen dalam urusan pekerjaan tanpa memerlukan penterjemah atau orang tengah. Kelebihan yang seterusnya ialah pengalaman dan pendedahan dari sudut budaya yang berbeza, dapat melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing dan bijak dalam menangani suasana kompetensi silang budaya (Sakuragi, 2006). Sehubungan itu, keistimewaan mempelajari dan menguasai bahasa asing bukan sahaja sebagai laluan untuk meneroka maklumat dan teknologi terkini tetapi merupakan satu merit dan nilai tambah dalam diversiti pekerjaan yang lebih mencabar yang lebih terdedah kepada dunia globalisasi pada hari ini (Ainol Madziah & Isarji, 2009; Normalis, Hieda & Nezu, 2012).

Bahasa Jepun merupakan salah satu bahasa antarabangsa yang dipilih dan diajar dari peringkat sekolah berasrama penuh (SBP), di Pusat PERMATA pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia sehinggalah ke peringkat institusi awam mahupun swasta sebagai kursus wajib atau elektif. Pemilihan bahasa Jepun sebagai bahasa antarabangsa dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah berdasarkan kepada kemajuan negara matahari tersebut dan juga perhubungan yang erat dengan negara Malaysia dari segi ekonomi, politik dan juga pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999).

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula memperkenalkan kursus bahasa Jepun pada tahun 1975 (Thaiyibah, 1999). Sejak dari awal, kursus bahasa Jepun merupakan salah satu bahasa asing yang paling popular di UKM. Kepopularan ini dijelaskan oleh pengajar kursus bahasa Jepun di UKM dengan menceritakan perihal semasa pendaftaran kursus bahasa Jepun. Menurut Thaiyibah (1999), sebelum pendaftaran melalui laman web diperkenalkan,

ada antara para pelajar yang sanggup datang seawal 4 pagi dan terpaksa berbaris panjang untuk pendaftaran yang dibuka pada pukul 9 pagi. Maserah, Hieda dan Normalis (2010) mengatakan bahawa situasi yang serupa terus berlaku walaupun selepas pendaftaran dalam talian dimulakan pada tahun 2000. Menurut mereka, pendaftaran bagi kursus bahasa Jepun penuh hanya selepas beberapa jam dibuka walaupun para pelajar diberikan tempoh dua minggu untuk pendaftaran mereka. Mereka juga mengatakan bahawa penawaran kursus Bahasa Jepun Asas I (SKVA2713) hanya dibuka kepada 120 hingga 160 orang pelajar pada setiap semester, tetapi lebih 400 orang pelajar memohon untuk mengikuti kursus tersebut melalui sistem pendaftaran berkomputer.

Persoalannya ialah mengapa mahasiswa di Malaysia yang mengikuti kursus bahasa Jepun di UKM menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Jepun? Apakah faktor-faktor yang mencetuskan sikap positif tersebut?

Secara ringkasnya, responden yang mempunyai sikap positif adalah dari negara-negara di Asia Tenggara kerana kawasan tersebut banyak ditawarkan pekerjaan yang berkaitan dengan syarikat Jepun. Manakala responden yang berasal dari Korea dan China lebih cenderung bersikap negatif disebabkan pengalaman pahit semasa zaman peperangan serta mempunyai hubungan dingin antara kedua-dua negara (Yoshino, Zheng & Park, 2003).

Walaupun terdapat banyak kajian berkenaan sikap terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing, kajian berkenaan 'sikap' masih tidak mencapai peringkat yang mendalam. Kebanyakan kajian lebih tertumpu pada 'motivasi' (Nakagawa, 2001; Oxford & Shearin, 1994; Takagishi, 2000) atau 'pencapaian bahasa' (Guo & Okita, 2001; Guo & Quan, 2006; Narita, 1998) dan hanya membicarakan 'sikap' sebagai sebahagian daripada dapatan kajian mereka. Kajian yang menumpukan kepada kajian sikap bahasa juga lebih cenderung membincangkan jenis orientasi yang lebih positif tanpa penjelasan faktor yang membentuk orientasi tersebut dengan mendalam (Mao & Fukuda, 2010; Muhammad Alif, 2005). Selain itu, kajian berkenaan persepsi terhadap penutur bahasa Jepun atau negara Jepun yang terhad (Kano, 1996; Nakagawa, 2001; Yoshino, Zheng & Park, 2003) menyebabkan kajian tersebut masih kurang dari segi kuantiti mahupun kualiti. Terdapat beberapa kajian yang membuat perbandingan mengikut jantina (Ishida, 1988; Muhammad Alif, 2005), generasi (Jang, 2008), bahasa ibunda (Ishida, 1988), aliran pengajian (Muhammad Alif, 2005), pengalaman tinggal di Jepun (Nuibe, Kano & Ito, 1995) dan jangka masa pembelajaran (Nuibe, Kano & Ito, 1995). Walau bagaimanapun, penjelasan faktor yang mempengaruhi sikap bahasa masih tidak mencukupi dan memadai. Oleh yang demikian, kajian yang memfokuskan kepada sikap bahasa serta mengkaji apakah faktor dan elemen berkenaan pembentukan sikap bahasa harus dilakukan dalam konteks pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap bahasa terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa Malaysia yang mengambil kursus bahasa Jepun di UKM. Kebanyakan mahasiswa UKM dibenarkan mengambil kursus bahasa Jepun sebagai salah satu subjek elektif, maka secara umumnya boleh diandaikan bahawa mereka mempunyai sikap bahasa yang positif terhadap bahasa Jepun. Kajian ini juga melanjutkan perincian beberapa persoalan aspek, iaitu untuk mengenal pasti jenis sikap positif mahasiswa di UKM terhadap bahasa Jepun, mengukur tahap sikap bahasa yang positif mahasiswa di UKM terhadap bahasa Jepun, mengukur hubungan antara sikap dan latar belakang responden (jantina, bangsa dan aliran pengajian) dan menentukan faktor-faktor yang menghasilkan pertalian antara sikap dan latar belakang responden. Ujian hipotesis berikut dilakukan untuk menjawab persoalan di atas.

H₁1 Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan jantina.

H₁2 Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan bangsa.

- H₁₃ Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan aliran pengajian.
H₁₄ Terdapat hubungan yang signifikan antara tujuh jenis sikap.

KERANGKA KAJIAN

Kajian ini bersandarkan kerangka sikap bahasa (Agheyisi & Fishman, 1970) dan model sosiopendidikan (Gardner, 2001). Agheyisi dan Fishman (1970) membahagikan sikap bahasa kepada tiga komponen, iaitu pemikiran, penilaian dan keinginan. Kenyataan ini selaras dengan apa yang pernah diketengahkan oleh Teo (1998) seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Tiga komponen terhadap sikap bahasa

Komponen	Huraian
Pemikiran	Terdiri daripada segala macam pengetahuan yang ada pada seseorang itu tentang sesuatu yang ingin dinilai. Pengetahuan ini terdiri daripada apa-apa yang dikenal sebagai kepercayaan.
Penilaian	Merupakan bahagian yang paling penting tentang sikap. Di sinilah sentimen, yakni emosi dikaitkan dengan kepercayaan.
Keinginan	Komponen-komponen pemikiran dan penilaian menentukan komponen ini. Di sini kepercayaan dan nilai emosi berubah menjadi tingkah laku.


Teo (1998) menjelaskan bahawa sikap bahasa adalah perasaan, kepercayaan, fikiran dan tindakan terhadap empat aspek bahasa, iaitu bahasa itu sendiri, ciri bahasa, fungsi bahasa dan bahasa sebagai lambang kelompok. Teo (1998) juga menekankan bahawa kekalutan mencampur aduk sikap terhadap bahasa dengan sikap terhadap para penutur bahasa amat sukar sekali untuk dipisahkan. Oleh itu, sikap terhadap penutur bahasa juga harus diambil kira dalam penelitian sikap bahasa. Sebagai contoh, penutur bahasa majoriti yang bersifat terpelajar dan berstatus tinggi selalunya dinilai lebih positif daripada penutur bahasa minoriti yang bersifat kurang berkuasa dan berstatus.

MODEL SOSIOPENDIDIKAN (GARDNER, 2001)

Kajian yang menumpukan sikap bahasa dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dilakukan oleh Gardner dan Lambert (1959, 1972), iaitu ahli sosio-psikologi di Kanada. Mereka membahagikan sikap bahasa kepada dua, iaitu orientasi integratif dan orientasi instrumental. Orientasi integratif berkait rapat dengan minat yang akan membentuk hubungan individu dengan penutur bahasa sasaran, manakala orientasi instrumental berhubung dengan keuntungan yang praktikal (Gardner & Lambert, 1972). Mereka juga mendapati bahawa sikap bahasa, sama ada positif atau negatif, mempengaruhi motivasi mahupun pencapaian bahasa yang berkenaan. Secara umumnya, pelajar yang bersikap positif dan berorientasi integratif mempunyai motivasi yang lebih tinggi, lebih berusaha dan penglibatan yang aktif di dalam aktiviti di kelas. Oleh itu, pelajar ini dapat mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik berbanding pelajar yang bersikap negatif dan berorientasi instrumental (Teo, 1998). Ini disebabkan orientasi instrumental hanya untuk memenuhi sesuatu tujuan jangka masa pendek. Misalnya, pelajar yang bertujuan hanya untuk lulus sesuatu peperiksaan, mungkin akan menghentikan pembelajarannya setelah peperiksaan selesai.

Namun, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan keputusan yang berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh Gardner dan Lambert (1972) tersebut. Kajian berkenaan sikap terhadap 'bahasa kedua' di 'negara membangun', misalnya bahasa Inggeris di Asia Tenggara (Gardner & Lambert, 1972; Lukmani, 1972; Rajagopal, 1976) atau bahasa Yahudi

di Israel (Abu-Rabia, 1998) mendapati bahawa orientasi instrumental lebih berkesan untuk motivasi serta pencapaian bahasa. Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh Gardner dan rakannya, Gardner (2001) secara rasmi mengumumkan bahawa model sosiopendidikan (*socio-educational model*) telah memperbaiki gagasan yang diperkenalkan sebelumnya. Model tersebut menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi semasa mempelajari bahasa asing. Rajah 1 menunjukkan model sosiopendidikan yang diperkenalkan oleh Gardner (2001).



RAJAH 1. Model sosiopendidikan yang diubahsuai (Gardner, 2001)

Menurut Gardner (2001), terdapat empat fasa yang penting dalam model sosiopendidikan, iaitu pengaruh luaran, perbezaan individu, konteks pemerolehan bahasa dan hasil.


Fasa pertama terdiri daripada dua pemboleh ubah penting, iaitu sejarah dan motivator. Sejarah merujuk kepada elemen-elemen yang mengembangkan latar belakang dan sejarah peribadi, seperti pengalaman lampau, ahli-ahli keluarga serta budaya dan masyarakat sekitar. Motivator pula merujuk kepada guru, rakan sekelas serta aktiviti-aktiviti sekolah. Pemboleh ubah sejarah dalam fasa pertama mempengaruhi keintegratifan (INT: *Integrativeness*), manakala motivator mempengaruhi sikap terhadap situasi pembelajaran (SSP: *Attitudes toward the Learning Situation*). Keintegratifan (INT) dan sikap terhadap situasi pembelajaran (SSP) saling bertindak balas, dan gabungan dua pemboleh ubah tersebut menghasilkan motivasi (MOT). Gabungan tiga pemboleh ubah tersebut, iaitu keintegratifan (INT), sikap terhadap situasi pembelajaran (SSP) dan motivasi (MOT), membentuk motivasi integratif. Motivasi integratif dianggap sebagai elemen yang terpenting dalam model sosiopendidikan kerana motivasi tersebut mencerminkan minat yang sejati terhadap pembelajaran bahasa kedua dengan mendekati diri dengan komuniti yang lain secara psikologi. Orientasi instrumental boleh dikategorikan sebagai faktor motivasi yang lain dalam fasa kedua. Menurut Gardner (2001) lagi, gabungan faktor instrumental dan motivasi boleh dilabelkan sebagai motivasi instrumental.

Kajian ini mengambil kira empat jenis pemboleh ubah dalam fasa pertama dan fasa kedua dalam model sosiopendidikan di atas, iaitu sejarah, keintegratifan (INT), motivasi (MOT) dan faktor motivasi yang lain. Kajian ini memberi perhatian kepada sikap, tetapi tidak menumpukan hubungan di antara motivasi dan pencapaian bahasa. Oleh itu, jenis pemboleh ubah yang lain tidak diukur dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menyediakan borang soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup sahaja supaya memudahkan proses menganalisis data dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Penggunaan skala Likert yang terdiri daripada lima tahap ukuran (1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Sederhana, 4=Setuju dan 5=Sangat setuju) dapat memaparkan perspektif para pelajar dengan lebih terperinci.

Untuk menentukan sikap bahasa responden, kajian ini mengukur tujuh jenis sikap dalam tujuh kategori, iaitu sikap terhadap masyarakat antarabangsa (Kategori 1), sikap terhadap ciri bahasa Jepun (Kategori 2), sikap terhadap orang Jepun (Kategori 3), sikap terhadap negara Jepun (Kategori 4), sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun (Kategori 5), orientasi integratif (Kategori 6) dan orientasi instrumental (Kategori 7). Rajah 2 menunjukkan struktur tujuh jenis sikap yang diukur dalam kajian ini.



RAJAH 2. Struktur tujuh jenis sikap yang dikaji

Kategori 1, 2, 3, 4, dan 6 membentuk pemboleh ubah keintegritifan. Kategori 5 menjadi satu anggota dalam pemboleh ubah motivasi. Kategori 7 pula menjadi sebahagian daripada pemboleh ubah faktor motivasi yang lain dalam model sosiopendidikan.

Data dikumpul melalui satu set soalan soal selidik daripada semua mahasiswa UKM yang berdaftar untuk mengikuti kursus bahasa Jepun pada semester 1 sesi akademik 2011/2012. UKM menawarkan empat tahap kursus bahasa Jepun pada semester tersebut, iaitu Bahasa Jepun Asas I (SKVA2713), Bahasa Jepun Asas II (SKVA2723), Bahasa Jepun Pertengahan I (SKVA2733) dan Bahasa Jepun Pertengahan II (SKVA2743). Kesemua mahasiswa yang berdaftar kursus tersebut dianggap sebagai populasi bagi kajian ini.

Kajian ini menjalankan analisis deskriptif serta analisis inferensi. Analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, purata dan sisihan piawai boleh menterjemahkan data mentah ke dalam bentuk data yang lebih mudah dijelaskan. Statistik inferensi juga diguna pakai untuk mengukur aras kesignifikan hipotesis. Kajian ini menjalankan analisis Alpha Cronbach, ujian-*t* dan analisis korelasi *Pearson* untuk memenuhi objektif kajian ini.

HASIL KAJIAN

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Kajian ini berjaya mengumpul data daripada seramai 136 orang responden. Jadual 2 menunjukkan taburan mahasiswa mengikut jantina dan kaum.

JADUAL 2. Taburan mahasiswa mengikut jantina dan kaum

	Kaum								Jumlah	
	Melayu		Cina		India		Peribumi		N	%
Jantina	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Lelaki	4	2.9	32	23.5	1	0.7	1	0.7	38	27.9
Perempuan	20	14.7	77	56.6	0	0.0	1	0.7	98	72.1
Jumlah	24	17.6	109	80.1	1	0.7	2	1.5	136	100.0

Dari segi jantina, pelajar perempuan (72.1%) lebih ramai daripada pelajar lelaki (27.9%). Dari segi kaum pula, pelajar Cina (80.1%) lebih ramai daripada pelajar Melayu (17.6%). Terdapat hanya seorang pelajar berbangsa India dan dua orang peribumi.

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan nisbah mahasiswa mengikut fakulti. Fakulti telah dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu aliran sains tulen dan sains sosial.

JADUAL 3. Taburan mahasiswa mengikut fakulti

	Fakulti			Aliran pengajian	
	N	%		N	%
FKAB	22	16.2	Aliran sains tulen	105	77.2
FST	72	52.9			
FSTM	11	8.1			
FEP	16	11.8	Aliran sains sosial	31	22.8
FPEND	5	3.7			
FSSK	10	7.4			
Jumlah	136	100.0		136	100.0

Pelajar aliran sains tulen (77.2%) lebih ramai mengambil kursus bahasa Jepun di UKM berbanding pelajar aliran sains sosial (22.8%). Dengan merumuskan tiga faktor tersebut, majoriti pelajar bahasa Jepun di UKM terdiri daripada pelajar perempuan, kaum Cina serta dalam aliran sains tulen. Kecenderungan yang sama juga berlaku pada semester sebelum ini (Hieda et al., 2009; Maserah, Hieda & Normalis, 2010).

KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Jadual 4 menunjukkan tujuh jenis sikap bahasa yang diukur serta keputusan analisis Alpha Cronbach bagi setiap kategori.

JADUAL 4. Kebolehpercayaan instrumen

Kategori	Sikap yang diukur	α
1	Sikap terhadap masyarakat antarabangsa	0.82
2	Sikap terhadap ciri bahasa Jepun	0.85
3	Sikap terhadap orang Jepun	0.78
4	Sikap terhadap negara Jepun	0.71
5	Sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun	0.90
6	Orientasi integratif	0.90
7	Orientasi instrumental	0.82

Semua kategori dinilai dengan angka 0.7 ke atas. Ini bermaksud item-item soalan dalam semua kategori kebolehpercayaan dari segi tahap konsistensi yang mengukur objektif.

SIKAP BAHASA RESPONDEN

Jadual 5 menunjukkan nilai min dan penilaian bagi tujuh jenis sikap yang dikaji. Penilaian sikap ditentukan berdasarkan skor min bagi semua soalan dalam setiap kategori. Prosedur ini menghasilkan pemeringkatan lima tahap sikap, iaitu 1.00-1.49 adalah sangat negatif, 1.50-2.49 adalah negatif, 2.50-3.49 adalah neutral, 3.50-4.49 adalah positif dan 4.50-5.00 adalah sangat positif.

JADUAL 5. Penilaian bagi tujuh jenis sikap

Kategori	Sikap yang diukur	Min	Penilaian
1	Sikap terhadap masyarakat antarabangsa	4.11	Positif
2	Sikap terhadap ciri bahasa Jepun	3.52	Positif
3	Sikap terhadap orang Jepun	4.05	Positif
4	Sikap terhadap negara Jepun	4.26	Positif
5	Sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun	3.98	Positif
6	Orientasi integratif	4.51	Sangat Positif
7	Orientasi instrumental	3.87	Positif

Responden menunjukkan orientasi integratif yang sangat positif serta bersikap positif terhadap enam jenis sikap yang lain. Dengan mempertimbangkan dapatan di atas, kedua-dua sikap yang positif terhadap golongan yang lain secara umum (Kategori 1) serta sikap terhadap golongan sasaran (Kategori 2, 3 dan 4) secara langsung mempengaruhi orientasi integratif yang sangat positif (Kategori 6). Jika membuat perbandingan antara orientasi integratif dengan orientasi instrumental, orientasi integratif (Min=4.51) lebih positif berbanding orientasi instrumental (Min=3.87). Keputusan tersebut sejajar dengan dapatan kajian yang lain berkenaan kajian sikap terhadap bahasa asing. Narita (1998) menyatakan bahawa dalam persekitaran yang tidak banyak menggunakan bahasa sasaran, orientasi integratif lebih mendorong penguasaan bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, kedua-dua orientasi yang positif tersebut bersama-sama mempengaruhi pembentukan sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun yang positif (Min=3.98). Keintegritifan yang positif (Kategori 1, 2, 3, 4 dan 6) turut memberi kesan kepada motivasi yang merangkumi sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran yang positif (Kategori 5). Orientasi instrumental yang positif (Kategori 7) dalam faktor motivasi yang lain juga mengukuhkan motivasi integratif responden.


PERBANDINGAN SIKAP DARI SEGI JANTINA, BANGSA DAN ALIRAN PENGAJIAN

Hipotesis H₁1, H₁2 dan H₁3 diuji dengan membuat perbandingan antara dua kumpulan mengikut jantina (lelaki atau perempuan), bangsa (Melayu atau Cina) serta aliran pengajian (sains tulen atau sains sosial). Jadual 6 menunjukkan perbezaan yang signifikan pada aras 0.05 yang didapati melalui analisis ujian-*t*.

JADUAL 6. Perbezaan yang signifikan dari segi jantina, bangsa dan aliran pengajian


Kategori	Sikap yang diukur	Jantina	Bangsa	Aliran pengajian
1	Sikap terhadap masyarakat antarabangsa		√	
2	Sikap terhadap ciri bahasa Jepun		√	
3	Sikap terhadap orang Jepun			
4	Sikap terhadap negara Jepun			
5	Sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun			
6	Orientasi integratif	√	√	
7	Orientasi instrumental		√	

Dari segi jantina, hanya orientasi integratif menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dari sudut bangsa, empat kategori sikap menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara pelajar Melayu dan pelajar Cina. Dari segi aliran pengajian pula, kesemua jenis sikap yang dikaji tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Menurut tiga faktor yang dikaji, faktor bangsa memberi kesan yang paling besar kepada pembentukan keintegritifan dan hanya sedikit dipengaruhi oleh faktor jantina. Manakala faktor aliran pengajian tidak menghasilkan keintegritifan yang berbeza. Dengan mempertimbangkan dapatan-dapatan kajian perbandingan tersebut, hubungan di antara pemboleh ubah sejarah dan keintegritifan dalam model sosiopendidikan boleh dirumuskan seperti Rajah 3.



RAJAH 3. Hubungan antara pemboleh ubah sejarah dengan keintegritifan


Seterusnya, ciri-ciri yang menghasilkan perbezaan yang signifikan mengikut jantina serta bangsa harus ditentukan dengan lebih teliti. Perbezaan orientasi integratif mengikut jantina (Min lelaki=4.33 dan Min perempuan=4.58 dalam Kategori 6) boleh ditunjukkan seperti Rajah 4.



RAJAH 4. Hubungan antara faktor jantina dengan orientasi integratif

Pelajar perempuan menunjukkan orientasi integratif yang lebih positif berbanding pelajar lelaki disebabkan pelajar perempuan lebih menunjukkan minat yang tinggi terhadap komunikasi dengan orang Jepun (Min lelaki=4.13 dan Min perempuan=4.52) serta budaya tradisional Jepun (Min lelaki=4.32 dan Min perempuan=4.63). Boleh dikatakan bahawa pelajar perempuan lebih cenderung untuk mendekati diri dengan golongan sasaran berbanding pelajar lelaki. Walaupun Muhammad Alif (2005) tidak mendapati perbezaan yang signifikan pada aras 0.05 mengikut jantina dalam kalangan pelajar Cina di Universiti Putra Malaysia, fenomena pelajar perempuan lebih bersikap positif telah banyak ditemui dalam kajian yang lain. Terdapat juga penyelidik yang menerangkan fenomena tersebut dari sudut perbezaan biologi (McGlone, 1980).


Rajah 5 menunjukkan hubungan antara faktor bangsa dengan pemboleh ubah keintegritifan.



RAJAH 5. Hubungan antara faktor bangsa dengan keintegratifan

Pelajar Melayu bersikap lebih positif terhadap masyarakat antarabangsa (Min Melayu=4.38 dan Min Cina=4.05 dalam Kategori 1) disebabkan mereka menaruh minat yang tinggi terhadap dunia yang baru (Hieda & Maserah, 2012). Pelajar Cina pula bersikap lebih positif terhadap ciri bahasa Jepun (Min Melayu=3.16 dan Min Cina=3.61 dalam Kategori 2) disebabkan banyak ciri persamaan dengan bahasa ibunda mereka (Hieda & Maserah, 2012). Fenomena yang sama menunjukkan bahawa remaja Cina yang paling suka mempelajari bahasa Korea berbanding kaum yang lain di universiti awam di Malaysia kerana faktor 'keserumpunan genetik dan bahasa' telah menarik minat mereka mempelajari bahasa Korea (Nor Hashimah & Zaharani, 2011). Kedua-dua bangsa tersebut seterusnya menunjukkan orientasi integratif yang positif. Sikap positif terhadap masyarakat antarabangsa bagi pelajar Melayu lebih kukuh dan ketara berbanding sikap terhadap ciri bahasa Jepun bagi pelajar Cina. Oleh itu, pelajar Melayu menunjukkan orientasi integratif yang lebih positif berbanding pelajar Cina (Min Melayu=4.78 dan Min Cina=4.45 dalam Kategori 6).

Pelajar Melayu juga mempunyai orientasi instrumental yang lebih positif berbanding pelajar Cina (Min Melayu=4.32 dan Min Cina=3.76 dalam Kategori 7) seperti ditunjukkan dalam Rajah 6.



RAJAH 6. Hubungan antara faktor bangsa dengan orientasi instrumental

Pelajar Melayu menunjukkan orientasi instrumental yang lebih positif berbanding pelajar Cina disebabkan pelajar Melayu lebih mempercayai bahawa penguasaan bahasa Jepun membolehkan mereka mendapat pembelajaran atau pekerjaan yang baik pada masa hadapan serta meningkatkan status sosial mereka (Hieda & Maserah, 2012). Dapatan yang hampir serupa menunjukkan bahawa bahasa Mandarin sebagai bahasa asing begitu popular dalam kalangan pelajar Melayu di UKM. Senario ini membolehkan mereka memahami dan berkomunikasi dalam bahasa Mandarin sebagai persediaan untuk mereka melangkaui ke dunia pekerjaan (Ainol Madziah & Isarji, 2009) terutama dalam dunia perniagaan. Sektor perniagaan yang rata-ratanya didominasi oleh kaum Cina membuatkan bahasa Mandarin mempunyai nilai ekonomi di Malaysia. Sebagai kesimpulan, responden berbangsa Melayu terdorong mengambil kursus bahasa Jepun di UKM disebabkan kedua-dua orientasi yang positif.

HUBUNGAN ANTARA TUJUH JENIS SIKAP

Bahagian ini mengesahkan hipotesis H₁₄, iaitu wujud atau tidak pertalian signifikan di antara tujuh jenis sikap yang dikaji. Analisis korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji hipotesis tersebut. Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis korelasi *Pearson* yang dilakukan antara tujuh jenis sikap. Jadual berikut disenaraikan dengan nilai korelasi, nilai signifikan serta bilangan responden berdasarkan pengiraan perisian SPSS. Nilai korelasi yang menunjukkan pertalian yang signifikan ditandakan dengan dua tanda asterisk (**) pada aras signifikan 0.01.


JADUAL 7. Analisis korelasi *Pearson* di antara tujuh jenis sikap

		Sikap terhadap ciri bahasa Jepun	Sikap terhadap orang Jepun	Sikap terhadap negara Jepun	Sikap terhadap pembelajaran BJ	Orientasi integratif	Orientasi instrumental
Sikap terhadap masyarakat antarabangsa	NK Sig. N	.295** .000 136	.163 .058 136	.368** .000 136	.486** .000 136	.635** .000 136	.576** .000 136
Sikap terhadap ciri bahasa Jepun	NK Sig. N		.387** .000 136	.516** .000 136	.564** .000 136	.402** .000 136	.289** .007 136
Sikap terhadap orang Jepun	NK Sig. N			.565** .000 136	.390** .000 136	.379** .000 136	.265** .006 136
Sikap terhadap negara Jepun	NK Sig. N				.566** .000 136	.525** .000 136	.292** .000 136
Sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun	NK Sig. N					.611** .000 136	.522** .000 136
Orientasi integratif	NK Sig. N						.568** .000 136

** Signifikan pada aras 0.01, NK=Nilai Korelasi

Berdasarkan Jadual 7 di atas, hanya hubungan antara sikap terhadap masyarakat antarabangsa dengan sikap terhadap orang Jepun tidak menunjukkan pertalian yang signifikan pada aras 0.01, manakala sikap-sikap yang lain menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan pada aras 0.01. Hubungan yang positif bermaksud sikap yang positif diikuti dengan peningkatan sikap lain yang positif.

Hubungan antara tujuh jenis sikap yang dikaji boleh digambarkan seperti Rajah 7 berasaskan dapatan analisis korelasi *Pearson* serta model sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001).



RAJAH 7. Hubungan antara tujuh jenis sikap yang dikaji

Tujuh jenis sikap yang dikaji dapat dikategorikan dalam tiga jenis pemboleh ubah. Dalam pemboleh ubah keintegratifan, orientasi integratif berhubung secara rapat dengan sikap terhadap masyarakat antarabangsa ($r=.64$) serta sikap terhadap negara Jepun ($r=.53$). Di samping itu, orientasi integratif juga mempunyai hubungan positif secara sederhana dengan sikap terhadap ciri bahasa Jepun ($r=.40$) serta sikap terhadap orang Jepun ($r=.38$). Secara keseluruhannya, empat jenis sikap yang positif mengukuhkan responden mempunyai orientasi integratif yang sangat positif.

Orientasi integratif juga berhubung secara rapat dengan sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun ($r=.61$). Walaupun sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun yang diukur dalam Kategori 5 adalah hanya sebahagian daripada keseluruhan pemboleh ubah motivasi, keintegratifan yang positif harus mempengaruhi pemboleh ubah motivasi dengan menghasilkan dorongan untuk mempelajari bahasa sasaran.

Orientasi instrumental juga menunjukkan hubungan yang rapat dengan sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun ($r=.52$). Hubungan rapat tersebut melambangkan faktor motivasi yang lain boleh meningkatkan tahap motivasi para pelajar.

Responden mempunyai motivasi integratif yang dipengaruhi oleh kedua-dua pemboleh ubah, iaitu keintegratifan dan faktor motivasi yang lain. Motivasi integratif tersebut menggalakkan pelajar mengambil kursus bahasa Jepun di UKM.

PENGESAHAN HIPOTESIS

Bahagian ini mengesahkan empat hipotesis yang telah diutarakan dalam bahagian tujuan kajian. Rumusan keputusan pengesahan hipotesis alternatif adalah seperti Jadual 8.


JADUAL 8. Rumusan keputusan pengesahan hipotesis alternatif

No	Hipotesis alternatif	Pengesahan
H ₁ 1	Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan jantina.	Diterima
H ₁ 2	Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan bangsa.	Diterima
H ₁ 3	Terdapat perbezaan sikap yang signifikan berdasarkan aliran pengajian.	Ditolak
H ₁ 4	Terdapat hubungan yang signifikan antara tujuh jenis sikap.	Diterima

Analisis statistik menjelaskan bahawa hipotesis alternatif H₁1, H₁2 dan H₁4 diterima, manakala H₁3 ditolak. Dalam erti kata lain, terdapat berbezaan sikap yang signifikan berdasarkan jantina dan bangsa, tetapi tiada berdasarkan aliran pengajian. Terdapat juga pertalian yang signifikan di antara tujuh jenis sikap yang dikaji.


RUMUSAN

Rumusan kajian ini menunjukkan faktor bangsa yang memberi kesan yang besar kepada pembentukan sikap perlu diberikan perhatian. Dapatan kajian ini yang telah mengimplicasikan dua unsur yang sangat penting dalam proses membentuk pemboleh ubah keintegratifan dalam model sosiopendidikan, iaitu jarak sosial dan stereotaip etnobudaya. Jarak sosial (Park, 1924) merujuk kepada jarak atau pemisahan di antara budaya sendiri dan budaya sasaran dari segi kognitif dan afektif. Sehubungan dengan dapatan Sakuragi (2006) yang menunjukkan pertalian yang signifikan antara jarak sosial dengan orientasi integratif, boleh dikatakan bahawa semakin rapat jarak sosial, semakin positif orientasi integratif. Stereotaip etnobudaya (Haarmann, 1989) pula merupakan satu tanggapan imej-imej stereotaip mengenai bahasa, budaya dan identiti etnik terhadap sesuatu negara atau komuniti. Pengaruh dua unsur tersebut boleh ditunjukkan seperti Rajah 8.



RAJAH 8. Unsur yang penting dalam proses sejarah mempengaruhi keintegritifan

Gabungan dua konsep tersebut telah menghasilkan model penentuan tahap sikap terhadap golongan sasaran seperti ditunjukkan dalam Rajah 9.



RAJAH 9. Model penentuan tahap sikap terhadap golongan sasaran

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 9 di atas, tahap sikap bahasa golongan sasaran dapat ditentukan berdasarkan dua unsur, iaitu jarak sosial dan stereotaip etnobudaya. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa bahasa Jepun dinilai positif oleh responden dari segi jarak sosial dan stereotaip etnobudaya, menunjukkan penilaian positif secara keseluruhan. Secara lebih konkrit, minat yang tinggi terhadap budaya dan masyarakat Jepun melambangkan jarak sosial yang rapat antara para pelajar UKM dengan golongan sasaran secara psikologi. Pada masa yang sama, persepsi yang baik terhadap orang Jepun serta negara Jepun menyebabkan para pelajar UKM mempunyai stereotaip etnobudaya yang positif terhadap budaya dan masyarakat Jepun.

KESIMPULAN

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa Malaysia khususnya yang mengikuti kursus bahasa Jepun di UKM. Kajian ini telah menerangkan sikap bahasa dan faktornya berasaskan model sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001). Secara keseluruhannya, kajian ini boleh menjadi panduan kepada semua pihak yang berkaitan dengan pengajaran bahasa asing, terutamanya tenaga pengajar bahasa Jepun dan sarjana bahasa untuk membantu mahasiswa di Malaysia menguasai bahasa Jepun dengan lebih berkesan. Sikap positif responden harus dipertahankan dan diperkembangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun.

Kajian ini juga secara tidak langsung memberi gambaran tentang sikap rakyat Malaysia terhadap pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Jepun. Di samping itu, kajian ini secara tidak langsung melambangkan pemikiran, pandangan mahupun identiti responden sebagai golongan muda rakyat Malaysia. Kekaguman responden terhadap negara dan masyarakat Jepun bukan sahaja berkaitan dengan kemodenan Jepun sebagai 'kuasa' ekonomi dan peneraju teknologi terkini di Asia mahupun di persada dunia tetapi juga berkait rapat dengan stereotaip etnobudaya yang positif. Tahap penerimaan yang tinggi terhadap

bahasa Jepun sebagai bahasa asing harus dipertimbangkan dalam proses penentuan polisi pendidikan pada masa hadapan. Salah satu polisi pendidikan yang perlu diberi perhatian berkenaan kepentingan pembelajaran bahasa Jepun di Malaysia ialah Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang diilhamkan pada 8hb Februari 1982 oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, iaitu Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Objektif DPT adalah untuk mencontohi dan menerapkan nilai-nilai etika kerja yang baik dan positif, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi, dan mempelajari sistem pengurusan dan organisasi negara-negara maju di timur seperti Jepun dan Korea Selatan yang boleh meningkatkan produktiviti serta menyumbang ke arah kemajuan negara Malaysia (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2011). Pada 25hb Julai 2013, hasil daripada keberkesanan polisi ini, kerajaan Malaysia dan Jepun telah bersetuju untuk melancarkan gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur dengan memperluaskan lagi skop hubungan tanpa terhad kepada bidang latihan dan pendidikan (Utusan Online, 2013).

Kajian ini menjadi satu kajian kes yang memaparkan sikap pelajar Malaysia terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Kajian ini dapat mengukuhkan model sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001). Kajian lepas yang mengaplikasikan model yang sama terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing telah dijalankan oleh Mao & Fukuda (2010) dan Muhammad Alif (2005). Namun kajian mereka hanya menumpukan kepada kajian sikap bahasa yang lebih cenderung membincangkan jenis orientasi yang lebih positif tanpa menjelaskan faktor apa yang membentuk jenis orientasi seperti integratif dan instrumental. Manakala kajian ini menambah baik kajian tersebut dengan memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai faktor-faktor yang membentuk sikap bahasa, terutamanya gabungan konsep jarak sosial dan stereotaip etnobudaya yang mudah menerangkan perihal sikap golongan sasaran. Implikasi kajian ini dalam konteks global menunjukkan bahawa sesuatu sikap bahasa tidak terjadi secara sendiri, tetapi ditentukan oleh faktor-faktor seperti konsep jarak sosial dan stereotaip etnobudaya.

Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada responden dari UKM sahaja, adalah dicadangkan untuk kajian akan datang diperluaskan kepada jaringan pendidikan bahasa Jepun yang lain seperti di sekolah, kolej, universiti dan institusi awam serta swasta di Malaysia. Seterusnya, adalah disarankan agar subjek kajian turut melibatkan golongan sasaran yang lain, misalnya tenaga pengajar, ibu bapa pelajar dan sebagainya. Dari segi perbandingan mengikut bangsa, kajian ini hanya menumpukan pelajar Melayu dan pelajar Cina. Sekiranya terdapat institusi yang mempunyai ramai pelajar India atau bangsa yang lain, sikap mereka boleh dikaji dan dibuat perbandingan. Bilangan responden bagi kajian ini adalah terhad, khususnya pelajar bukan dari bangsa Cina. Adalah dicadangkan untuk mengambil saiz sampel yang lebih besar supaya mengukuhkan dapatan kajian yang dilakukan. Selain itu, kajian ini hanya memperlihatkan fasa pertama dan fasa kedua dalam model sosiopendidikan Gardner (2001). Kajian sikap boleh dikembangkan dengan melihat faktor yang lain, misalnya hubungan dengan motivator, motivasi atau pencapaian bahasa. Akhir sekali, model sosiopendidikan Gardner boleh diterapkan kepada bahasa asing yang lain di Malaysia seperti bahasa Arab, bahasa Korea, bahasa Jerman dan sebagainya.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran Penyelidikan Tindakan & Strategik UKM 2012 (PTS-2012-030).

RUJUKAN

Abu-Rabia, S. (1998). The learning of Hebrew by Israeli Arab students in Israel. *The Journal of Social Psychology*. 138(3), 331-341.

- Agheyisi, R. & Fishman, J. (1970). Language attitudes studies: A brief survey of methodological approaches. *Anthropological Linguistics*. 15(5), 137-157.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 9(2), 73-87.
- Gardner, R. C. (2001). Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education*. 6(1), 1-18.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1959). Motivational variables in second-language acquisition. *Canadian Journal of Psychology*. 13(4), 266-272.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, Mass: Newbury House Publishers, Inc.
- Guo, Jun Hai. & Okita, Y. (2001). Chinese-Singaporean university students' motivation to learn Japanese. *Journal of Japanese Language Teaching*. 110, 130-139.
- Guo, Jun Hai. & Quan, J. (2006). Motivation of Chinese university students towards learning Japanese. *Journal of the International Exchange Support Center*. 2, 118-128.
- Haarmann, H. (1989). *Symbolic Values of Foreign Language Use: From the Japanese Case to a General Sociolinguistic Perspective*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter.
- Hieda, N. & Maserah Shabudin (2012). Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Jepun di kalangan mahasiswa UKM. *Jurnal Linguistik*. 16, 88-103.
- Hieda, N., Normalis Amzah, Musaev, T. & Nezu, M. (2009). Result of survey on audio visual of teaching material for basic Japanese. *Proceedings of International Seminar of Japanese Language and Culture*, 111-117.
- Ishida, S. (1988). Motivation to learn and image of the Japanese language in Australian students. *Bulletin of the Faculty of Education*. 35, 57-66.
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (2011). Latihan Dasar Pandang ke Timur. Muat turun 7 September, 2011 dari http://www.jpa.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=466%3A%20latihan-dasar-pandang-ke-timur&lang=ms
- Jang, Y. (2008). The future of Japanese language education for older people in south Korea. Muat turun 11 November, 2011 dari <http://teapot.lib.ocha.ac.jp/ocha/handle/10083/35136>
- Kano, M. (1996). Language attitudes of Japanese learners of the Sinhalese in multi-lingual Sri Lankan society. *Bulletin of Language Science and Humanities*. 10, 83-95.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). *Jawatankuasa Bahasa Asing. Laporan Kajian Pelaksanaan Dasar Bahasa Asing*. Kuala Lumpur.
- Lukmani, Y. M. (1972). Motivation to learn and language proficiency. *Language Learning*. 22, 261-273.
- Mao, H & Fukuda, M. (2010). A comparison on learning motivation between major Japanese learners in China and major Chinese learners in Japan. *Language and Culture*. 23, 209-232.
- Maserah Shabudin, Hieda, N. & Normalis Amzah (2010). Bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm Ambigapathy Pandian et al. (pnyt.). *Panca Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan* (hlm. 117-127). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- McGlone, J. (1980). Sex differences in human brain asymmetry: A critical survey. *Behavioral and Brain Sciences*. 3, 215-227.
- Muhammad Alif Redzuan. (2005). *Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Jepun di Universiti Putera Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nakagawa, M. (2001). Motivations for the acquisition of Japanese as a second language:

- Trends found in adult learners. *Center for Student Exchange Journal*. 4, 95-120.
- Narita, T. (1998). The Relations between motivations and examination scores: The case of university students in Thailand. *Japanese-Language Education around the Global*. 8, 1-11.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2011). Hallyu di Malaysia: Kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 27(2), 203-219.
- Normalis Amzah, Hieda, N. & Nezu, M. (2012) Penyerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa Jepun. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2), 407-425.
- Nuibe, Y., Kano, F. & Ito, K. (1995). International survey on university student motivation: In case of Victoria University in New Zealand. *Journal of Japanese Language Teaching*. 86, 162-172.
- Oxford, R. L. & Shearin, J. (1994). Language learning motivation: Expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal*. 78(1), 12-28.
- Park, R. E. (1924). The concept of social distance. *Journal of Applied Sociology*. 8, 339-344.
- Rajagopal, S. (1976). *A study of the role of attitudes and motivation in the acquisition of English as a second language by fifth-form Malay medium pupils in Selangor*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sakuragi, T. (2006). The relationship between attitudes towards language study and cross-cultural attitudes. *International Journal of Intercultural Relations*. 30, 19-31.
- Takagishi, M. (2000). The relationship between the experience of study abroad and the motivation for studying Japanese: A case study of a short-term study abroad program of American students. *Journal of Japanese language teaching*. 105, 101-110.
- Teo Kok Seong. (1998). Sikap bahasa. *Pelita Bahasa*. Januari 1998, 40-43.
- Thaiyibah Sulaiman. (1999). Pendidikan bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Bunga Raya* April, 2-3.
- Utusan Online (2013). Gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur. Muat turun 30 Januari, 2014 dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130726/dn_02/Gelombang-kedua-Dasar-Pandang-ke-Timur
- Yoshino, R., Zheng, Y. & Park, S. (2003). Asian peoples' views on Japanese. *The Japanese Journal of Behavior Metrics*. 30(1), 31-52.

PENULIS

Natsue Hieda adalah guru bahasa Jepun di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah pengajaran bahasa Jepun dan sosiolinguistik.

Maserah Shabudin (PhD) adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah terjemahan, pengajaran bahasa Jepun, analisis wacana dan analisis wacana kritis.